

05/10/1998

Keputusan Zahid harus dihormati

KOTA BHARU, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba menyifatkan peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno adalah tindakan matang dan bijak sekali gus membuktikan keikhlasannya dalam menangani isu kepemimpinan pergerakan itu.

Menurutnya, keputusan itu wajar dihormati semua pihak dan membantu mengukuhkan perpaduan ahli parti.

"Saya fikir tindakan Zahid meletakkan jawatan menggambarkan sikapnya yang bertanggungjawab dan menunjukkan kebijaksanaan serta kewarasan sebagai seorang ketua.

"Jadi soal peletakan Zahid harus dihormati oleh ahli Umno kerana yang lebih penting sekarang ialah mengembalikan kekuatan parti dan memberikan sokongan padu kepada pemangku sekarang (Datuk Hishamuddin Tun Hussein)," katanya selepas menyampaikan penerangan isu semasa di Persiaran Kada, Melor, di sini malam tadi.

Turut hadir pada majlis penerangan itu ialah Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Hussein Ahmad dan Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik.

Zahid mengumumkan peletakan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada Jumaat lalu tetapi memberi jaminan untuk terus kekal sebagai ahli Umno dan akan menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penjelasan bagi mengukuhkan perpaduan parti dan orang Melayu.

Ghafar yang juga ahli Parlimen Jasin berkata, kesediaan Zahid itu perlu diberi sokongan bagi menjelaskan kedudukan sebenar kepada ahli supaya tidak terus dikelirukan oleh mana-mana pihak.

Menurutnya, tindakan beliau yang kini menjelajah ke seluruh negara juga bertujuan membantu Umno memperjelaskan kekeliruan yang wujud dan tidak terpengaruh dengan dakyah pihak tertentu termasuk Pas yang didakwa turut menanggung di air yang keruh berhubung isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya harap rakyat terutama ahli Umno jangan fikir lagi soal Anwar, sebaliknya bersatu memperkuatkan jentera parti menghadapi pilihan raya umum supaya kerajaan Barisan Nasional (BN) terus memerintah," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahim yang juga bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno ketika ditemui pada majlis yang sama percaya kesediaan Zahid untuk membantu Umno akan meningkatkan kesedaran ahli parti yang kuat menyokong Anwar supaya kembali ke pangkal jalan dan bersatu di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, keputusan Zahid itu adalah langkah bijak dan memberi gambaran pergerakan itu bersatu dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai sayap kanan Umno.

(END)